



Anwar bersalam dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Prima Saujana Kajang, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Malaysia ajak negara ASEAN runding isu tarif dengan AS

Anwar mahu ada kesepakatan menuntut prinsip keadilan urusan perdagangan

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kajang: Malaysia mengajak negara ASEAN berunding dengan Amerika Syarikat (AS) susulan keputusan terbaharu kuasa ekonomi dunia itu memperkenalkan tarif asas 10 peratus dan duti lebih tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau ada menghubungi rakan sejawatnya di beberapa negara ASEAN untuk terbabit sama dalam rundingan berkenaan.

"Pertama, kita memang terkesan juga sedikit. Walaupun kadar (tarif dikenakan ke atas Malaysia) tinggi, tetapi rendah daripada beberapa negara jiran. Sebab itu, kita mengambil keputusan untuk mengadakan rundingan dengan rakan (sejawat) saya.

"Saya sudah menghubungi (Perdana Menteri) Thailand dan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto. Sekejap lagi dengan Presiden Filipina (Ferdinand Marcos Jr) dan selepas itu (Perdana Menteri) Singapura (Lawrence Wong).

"Ia supaya ada satu kesepakatan mengenai bagaimana kita



menjawab dan menuntut agar ada prinsip keadilan dalam urusan perdagangan antara negara luar, termasuk ASEAN dengan AS," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Prima Saujana, di sini, semalam.

Tarif timbal balik AS menyasarkan lebih 180 negara dengan Malaysia dikenakan kadar 24 peratus termasuk kadar asas 10 peratus, manakala negara serantau seperti Kemboja pada 49 peratus, Vietnam (46 peratus), Thailand (36 peratus), Indonesia (32 peratus) dan Singapura (10 peratus).

Mesyuarat Khamis depan

Anwar berkata, Menteri-Menteri Perdagangan ASEAN juga akan mengadakan mesyuarat Khamis depan untuk membincangkan isu tarif baharu AS itu, manakala Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sedang menghubungi rakan sejawatnya berhubung perkara sama.

Petang semalam, Perdana Menteri dijadual mempengerusikan mesyuarat khas jawatankuasa mengenai isu tarif dan tekanan AS, antaranya bersama Jemaah Menteri; Gabenor Bank Negara, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour dan Pengerusi Jawatankua-

sa Penasihat Dasar Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Ditanya sama ada Malaysia akan bertindak balas dengan menaikkan tarif susulan pengumuman AS itu, Anwar berkata, perkara berkenaan akan dibincangkan secara teliti pada mesyuarat.

"Yang penting, bukan soal tindak balas. Yang penting menjaga kepentingan ekonomi negara, terutama semikonduktor yang banyak dieksport ke AS.

"Sekitar 60, 65 peratus daripada eksport semikonduktor kita adalah ke AS, sekitar 26 peratus daripada keperluan AS itu adalah dari Malaysia.

"Jadi, kita harus meneliti semua aspek ini. Insya-Allah, kita akan umumkan," katanya.

Di **Putrajaya**, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan pada sidang media menjelang penganjuran Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN ke-12 (AFMGM) semalam, berkata Malaysia sebagai negara perdagangan terbuka, kekal dengan pendirian perdagangan bebas dan adil.

Justeru, katanya, Malaysia tidak bercadang mengenakan tarif balas ke atas AS dan negara sangat konsisten dalam menyokong perdagangan bebas serta terus memegang utuh pendirian itu.

Katanya, walaupun langkah terbaharu AS memberikan cabaran, Malaysia berharap dapat mencari penyelesaian terbaik menerusi perbincangan, berdasarkan analisis yang baik dan dialog terbuka, bukan penyelesaian secara emosi yang tidak akan menghasilkan apa-apa.